

Sengsara masalah banjir

DAMANSARA – Masalah banjir kilat di kawasan hilir Kampung Sungai Penchala bertambah buruk dan terbaru berpuluh rumah terjejas akibat beberapa siri kejadian banjir kilat yang berlaku dalam minggu ini.

Penduduk, Norfaizah Saat, 42, berkata, masalah banjir yang berlaku sejak minggu lalu dilihat seperti tiada kesudahannya.

Menurutnya, aliran air sungai yang naik mendadak menyebabkan air masuk ke dalam rumah.

“Masalah ini sudah terlalu lama berlaku dan bagi kami di sini tindakan mendalamkan sungai yang dijalankan tidak membawa apa-apa faedah kerana kawasan ini tetap banjir,” katanya.

Sementara itu, Kasmah Enjah, 49, berkata, perkakas rumah dan elektriknya rosak ditenggelami air.

Menurutnya, dia kerugian ribuan ringgit kerana terpaksa membeli perkakas elektrik baru.

“Siapa hendak tanggung kerugian kami di sini, saya harap pihak bertanggungjawab lebih prihatin untuk menangani masalah ini,” katanya.



Keadaan banjir kilat di hilir Kampung Sungai Penchala.

Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Sungai Penchala, Datuk Abul Hassan ketika ditemui memberitahu, persatuan sudah menghantar surat rasmi kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berhubung banjir kilat yang kerap berlaku di kampung itu.

“Kita membantah tindakan sebuah kondominium berhampiran dan pihak lebuhraya yang menggunakan longkang di kampung ini sebagai saluran utama mereka

sehingga menyebabkan longkang sedia ada di kampung ini tidak mampu menampung jumlah air yang banyak terutama ketika hujan,” katanya.

Menurutnya, pihak kondominium dan lebuhraya sepatutnya membuat longkang mereka sendiri untuk dialirkan terus ke sungai.

“Persatuan berharap agar pihak terbabit dapat mengeluarkan sejumlah ganti rugi kepada setiap rumah yang terjejas akibat banjir ini,” katanya.